

PROGRAM GERAN KOMUNITI MERDEKA 118

GAMBARAN KESELURUHAN

Permohonan Dibuka	Permohonan Ditutup	Makluman Status Permohonan	Bengkel Penerima Geran
8 Julai 2025	10 Ogos 2025	15 September 2025	1 minggu selepas makluman

1. Meremajakan Pusat Bandar Kuala Lumpur melalui Warisan KL

Warisan KL ialah sebuah program peremajaan bandar berdasarkan budaya yang mengukuhkan identiti Kuala Lumpur menerusi warisan, budaya dan komuniti. Dengan memberi tumpuan terhadap usaha mengaktifkan kawasan bersejarah yang utama di kota Kuala Lumpur, program ini menghubungkan masyarakat dengan tempat melalui kaedah yang bermakna dan terangkum.

Pusat Bandar Kuala Lumpur yang merupakan nadi kepada sejarah dan budaya kota ini adalah penting bagi proses perubahan ini. Pada hari ini, pelbagai ruang di kota ini sedang dibayangkan semula sebagai sebuah daerah yang berpaksikan masyarakat menerusi kekayaan alam bina warisan dan kepelbagaiannya watak kotanya.

Bagi menyokong usaha ini, Warisan KL mengambil pendekatan berdasarkan presint. Pendekatan ini merangkumi 10 buah projek andalan termasuklah projek Presint Merdeka 118 untuk mengenal pasti keperluan dan cabaran utama di kawasan tersebut. Ia menggalakkan usaha sama yang lebih berkesan antara pelbagai pihak, sekaligus menyokong usaha pengungkapan budaya, perusahaan tempatan dan perasaan sivik di peringkat akar umbi.

2. Latar Presint Merdeka 118

Presint Merdeka 118 yang terletak di dalam kawasan warisan Pusat Bandar Kuala Lumpur mengangkat identiti kebangsaan melalui kewujudan mercu tanda seperti Stadium Merdeka, Stadium Negara dan menara kedua tertinggi di dunia, iaitu Menara Merdeka 118. Daerah ini diberikan nafas baharu sebagai sebuah hab yang rancak dan terangkum dengan menggabungkan warisan, sukan, dan kehidupan bermasyarakat. Antara usaha yang dijalankan adalah dengan mengaktifkan bangunan warisan, menambah baik pelbagai ruang awam, menguatkan lagi jalinan hubungan antara kawasan Jalan Petaling, Kampung Attap, Bukit Bintang dan Pudu. Presint ini bermatlamat untuk menjadi sebuah daerah budaya dan sukan yang mampu mengukuhkan lagi perpaduan sosial dan ekonomi melalui pembinaan Muzium Tekstil Merdeka, Look at 118, Masjid Al-Sultan Abdullah, Merdeka Boulevard at 118, 118 Mall, The View at 118 dan banyak lagi.

Pelbagai strategi pembangunan yang bersasar telah diwujudkan bagi memenuhi keperluan utama presint ini. Antaranya adalah menambahbaik ketersambungan, mengaktifkan ruang awam, menggalakkan penglibatan masyarakat dan mengukuhkan identiti setempat melalui teknik penceritaan.

Segala usaha ini amat penting dalam membentuk sebuah kawasan kejiranan Presint Merdeka 118 yang lebih berdaya tahan, terangkum dan rancak.

Usaha ini memberi tumpuan kepada empat presint utama:



Peta 1.0: Hijau terang menandakan kawasan tumpuan utama, manakala garisan putus merujuk kepada sempadan kawasan penampang.

Kawasan Tumpuan 1: Presint Merdeka 118

Merdeka 118 yang diterajui oleh PNB Merdeka Ventures Sdn. Bhd. merupakan sebuah projek pembangunan pelbagai guna yang merangkumi dua buah stadium bersejarah, iaitu Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Antara daya tarikan yang akan dibangunkan adalah dek tinjau The View at 118, Park Hyatt Kuala Lumpur, sebuah medan membeli-belah setinggi tujuh tingkat dengan nama 118 Mall dan tiga buah menara kediaman premium yang dikenali sebagai 'Merdeka Residences'. Merdeka 118 terletak di dalam sebuah taman memanjang seluas empat ekar yang dikenali sebagai 'Merdeka Boulevard at 118'.

Kawasan Tumpuan 2: Enklaf Kampung Attap

Enklaf ini diberi nafas baharu dengan kewujudan pelbagai kegiatan seni, muzik dan fesyen genre bebas. Hab kreatif seperti The Zhongshan Building dan kediaman komuniti seni seperti SAM Mansion dan Heart Residence menjadi pencorak kepada proses peremajaan Kampung Attap.

Kawasan Tumpuan 3: Presint Jalan Petaling

Presint ini merupakan sebuah hab pelancongan dengan kadar ketersambungan yang sangat baik. Ia dipenuhi dengan rumah kedai dan bangunan lama yang ditukar guna seperti REXKL dan Kwai Chai Hong yang masih bertahan dalam arus gentrififikasi.

Kawasan Tumpuan 4: Presint Bukit Bintang

GMBB merupakan sebuah hab kreatif yang menyediakan ruang mampu milik kepada komuniti seni. Jalan Galloway pula merupakan kawasan ekonomi organik berdasarkan belia.

Kawasan Tumpuan 5: Presint Pudu

Presint ini terkenal dengan perumahan awam dan sekolah lama. Penduduk di kawasan ini semakin dihimpit oleh kepesatan pembangunan mega di kawasan sekitar.

Kawasan Penampang: Radius sekitar 1,200m dari Menara Merdeka 118

Kawasan Penampang ialah kawasan dalam lingkungan 15-minit berjalan kaki dari Menara Merdeka 118.

3. Apakah itu Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Sejak tahun 2021, Program Geran Komuniti Merdeka 118 berusaha memulihkan kegiatan sosioekonomi komuniti di Presint Merdeka 118 dan kawasan sekitarnya. Dengan menggunakan pendekatan akar umbi, program ini terus memperkuatkan daya tahan, memupuk rasa bangga dalam kalangan masyarakat dan berjaya melahirkan pembangunan yang mampan.

Dalam pusingan ketiga, program ini mengukuhkan lagi hubungan antara Presint Merdeka 118 dengan kawasan sekitarnya menerusi pelbagai usaha yang akan menyerlahkan lagi kreativiti, keusahawanan dan warisan.

Program ini mencerminkan komitmen berterusan PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad dalam membangunkan sebuah kota yang rancak dan terangkum dengan menggunakan pendekatan berasaskan presint dan selari dengan matlamat Warisan KL.

Setakat ini, Program Geran Komuniti Merdeka 118 telah menyokong sebanyak 21 buah projek dengan jumlah pelaburan dianggarkan sebanyak RM1 juta bagi memangkin usaha masyarakat di Presint Jalan Petaling, Kampung Attap dan Pudu.

4. Apakah objektif Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Objektif program ini adalah untuk:

- mengembangkan produk komuniti yang boleh disepadukan dengan pembangunan Presint Merdeka 118;
- memupuk kandungan komuniti yang mampan dan mampu merancakkan kawasan sekitarnya;
- meneruskan usaha sama dengan komuniti di sekitar Presint Merdeka 118; dan
- meraikan warisan dan budaya di kawasan sekitar Presint Merdeka 118.

5. Siapakah yang boleh memohon dana Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Program geran ini terbuka kepada **individu, kolektif, organisasi atau perusahaan berdasarkan komuniti dan pertubuhan bukan kerajaan*** yang memiliki idea untuk meremajakan Presint Merdeka 118 dan kawasan sekitarnya.

*Pertubuhan yang berdaftar dengan Pejabat Pendaftar Syarikat, Pertubuhan dan Perniagaan dialu-alukan untuk memohon.

6. Apakah yang disediakan oleh Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Program geran ini menawarkan dana perbelanjaan langsung, dengan julat sokongan dari RM20,000.00 hingga RM150,000.00 bagi setiap permohonan. Ambil maklum bahawa program ini:

- mengutamakan projek yang mempunyai pelaburan bersama pada kadar 1:1;
- mengutamakan projek berimpak tinggi;
- menyokong projek yang terbuka kepada semua kelompok masyarakat, menarik pengguna dan pelawat baharu, memperkenalkan kandungan baharu yang berkualiti tinggi, dan mempelbagaikan kegunaan ruang dalam kawasan tumpuan; dan

- mengutamakan projek yang boleh siap sepenuhnya menjelang 30 Mac 2026*.

*Sebarang permohonan lanjutan tempoh projek selepas tarikh ini perlu dihantar secara bertulis kepada Think City sebelum 28 Februari 2026.

7. Bagaimakah projek anda boleh merealisasikan matlamat Presint Merdeka 118?

Program ini menyokong projek yang sesuai dengan tiga tema berikut:

7.1 PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA

Menyokong usaha memulihara warisan nyata dan tidak nyata di kawasan sekitar Presint Merdeka 118 sebagai langkah untuk memelihara identiti dalam menonkong arus gentrifikasi.

- **Memulihara Identiti Budaya** – Menyokong usaha memulihara dan meraikan keunikan identiti sesebuah kawasan, di samping mengukuhkan bentuk penceritaan dan pengetahuan tentang kawasan tersebut. Usaha ini menyanjung tradisi tempatan, memupuk rasa bangga dalam kalangan masyarakat, dan memastikan generasi masa hadapan dapat menikmati budaya kawasan tersebut.
- **Meremajakan Warisan Tidak Nyata** – Menyuntik nafas baharu kepada pelbagai bentuk penceritaan setempat dengan menggabungkan warisan dengan daya cipta, sekaligus memperkasakan masyarakat untuk terus merancakkan tradisi tempatan dengan menggunakan kreativiti dan teknologi terkini.

7.2 PEMERKASAAN KOMUNITI

Memberi peluang kepada kelompok rentan untuk membangunkan keupayaan mereka dalam bidang sosial, pendidikan dan ekonomi.

- **Sosial** – Menyokong sebarang program dan usaha memperkuatkannya perpaduan sosial, memupuk keterangkuman dan membina keupayaan tempatan, khususnya dalam kalangan kelompok rentan di sekitar Presint Merdeka 118.
- **Pendidikan** – Menyokong usaha pembelajaran, pewujudan wadah perkongsian ilmu, dan program kemahiran yang dapat menambah baik peluang pendidikan dan memupuk nilai pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan masyarakat rentan di sekitar Presint Merdeka 118.
- **Ekonomi Mampan** – Menyokong sebarang usaha yang dapat merancakkan ekonomi tempatan dan menyokong peniaga kecil di sekitar Presint Merdeka 118. Pendekatan ini perlu menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan berteraskan identiti dan budaya tempatan.

7.3 KANDUNGAN KOMUNITI DAN/ATAU PENGAKTIFAN

Memperkasakan para seniman dan penggiat budaya di Pusat Bandar Kuala Lumpur bagi menghasilkan kandungan yang berkualiti tinggi, memupuk bakat dan menggalakkan gaya hidup sihat sebagai cara untuk menghadapi cabaran sosial.

- **Kandungan komuniti** – Menyokong penghasilan kandungan yang berteraskan komuniti tempatan seperti penerbitan, set bimbingan, kerja kreatif, atau produk yang dihasilkan oleh pelbagai kelompok masyarakat, persatuan penduduk atau apa sahaja pertubuhan. Usaha ini perlu menyentuh dan meraikan pengalaman sehari-hari masyarakat setempat, sekaligus menguatkan lagi suara yang pelbagai, dan menanam rasa identiti yang berpaksikan Presint Merdeka 118.
- **Pengaktifan Komuniti** – Menyokong sebarang usaha, program masyarakat, dan kegiatan yang menggalakkan penglibatan masyarakat bagi memupuk rasa hak milik terhadap ruang bersama dan menyatukan masyarakat di sekitar Presint Merdeka 118.

Jadual 7.1: Tema-tema Program Geran Komuniti Merdeka 118

8. Apakah syarat kelayakan untuk memohon dana Program Geran Komuniti Merdeka 118

Pemohon perlu mengikuti sesi hari terbuka yang dianjurkan oleh Think City atau rakan usaha sama Think City untuk maklumat lanjut berkenaan syarat-syarat dan objektif program, serta gambaran proses permohonan secara keseluruhan. Keperluan permohonan bagi setiap tema dalam Program Geran Komuniti Merdeka 118 adalah seperti berikut:

8.1 PEMULIHARAAN WARISAN BUDAYA

Pemuliharaan Identiti Budaya

Peremajaan Warisan Tidak Nyata

Untuk layak memohon, projek perlulah:

- Dilaksanakan dalam kawasan jangkauan dana program dan penting dari segi budaya dan warisan.
- Melibatkan pihak konservator bagi bangunan yang mempunyai ciri-ciri warisan.
- Melaksanakan operasi perniagaan atau pengaktifan yang selaras dengan matlamat Presint Merdeka 118.
- Menyediakan pelan pelaksanaan menyeluruh dan unjuran kewangan.
- Menyediakan bukti pemilikan, sewaan, atau bukti penglibatan masyarakat, atau surat pernyataan hasrat daripada pemilik tapak projek.

8.2 PEMERKASAAN KOMUNITI

Sosial

Untuk layak memohon, projek perlulah:

- Menyediakan pelan pelaksanaan menyeluruh, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan.
- Menyediakan senarai rakan usaha sama projek.
- Menyediakan pelan unjuran kewangan bagi 3 tahun untuk projek sokongan perniagaan.
- Menyediakan surat penyata hasrat atau bukti libat urus bersama masyarakat sasaran.

8.3 KANDUNGAN DAN/ATAU PENGAKTIFAN KOMUNITI

Kandungan Komuniti

Untuk layak memohon, projek perlulah:

- Menyediakan pelan pelaksanaan menyeluruh, termasuk strategi pemasaran dan jangkauan.
- Menyediakan senarai rakan usaha sama projek.
- Menyediakan draf manuskrip, cadangan abstrak, dan metodologi berkaitan, khususnya bagi projek penerbitan dan penyelidikan.
- Menyediakan bukti pemilikan, sewaan, atau bukti penglibatan masyarakat, atau surat pernyataan hasrat daripada pemilik tapak projek.

Jadual 8.1: Syarat kelayakan permohonan mengikut tema

9. Apakah jenis perbelanjaan yang disokong oleh dana Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Contoh perbelanjaan yang disokong oleh dana Program Geran Komuniti Merdeka 118 adalah seperti berikut:

PERBELANJAAN YANG DIBENARKAN

Kerja mobilisasi dan pelaksanaan

- Kajian, bantuan teknikal, penilaian dan sebarang khidmat nasihat yang diperlukan sebelum projek dilaksanakan; dan
- Mobilisasi, persiapan, dan pembersihan tapak.

Bahan-bahan dan pembekal

- Kos bahan mentah atau bahan yang digunakan untuk menghasilkan produk seni, pemasangan, pembinaan, proses penghijauan dan penerbitan.

Peralatan dan teknologi

- Kos penyewaan mesin, peralatan, perisian komputer, atau sebarang teknologi yang diperlukan untuk kerja penghasilan, pencetakan, pengedaran persediaan acara.

Khidmat profesional

- Kos pakar, pemudah cara, rakan usaha sama, kurator, ketua projek, jururunding, kontraktor, penyedia

Pemasaran dan promosi	<ul style="list-style-type: none">• perkhidmatan atau mana-mana khidmat profesional yang diperlukan untuk tugas-tugas khusus; dan• Kos kegiatan pembangunan keupayaan bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pasukan projek atau komuniti.
	<ul style="list-style-type: none">• Perbelanjaan promosi dan pengedaran maklumat projek seperti media sosial atau iklan digital, bahan pemasaran, pencetakan katalog, dan pembangunan laman sesawang; dan• Perbelanjaan khidmat kreatif seperti jurureka, penyusun iklan, jurugambar, dan juruvideo.

Catatan: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila hubungi Think City untuk penjelasan lanjut tentang perbelanjaan yang dibenarkan.

10. Apakah jenis perbelanjaan yang tidak dibenarkan oleh dana Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Perbelanjaan berikut adalah tidak dibenarkan:

- Kos yang ditanggung sebelum perjanjian ditandatangani;
- Yuran pendaftaran syarikat atau pelesenan;
- Kos penginapan;
- Kerja baik pulih dan penyelenggaraan yang dilaksanakan di luar tempoh pelaksanaan asal projek;
- Pembelian atau pemerolehan aset fizikal;
- Kos overhed pertubuhan seperti sewa, insurans, bil utiliti, gaji pekerja dan cukai taksiran);
- Denda, penalti, atau yuran guaman; dan
- Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST).

11. Siapakah yang tidak layak memohon dana Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Permohonan anda tidak akan dilayan sekiranya;

Anda adalah individu/kolektif/organisasi yang:

- Diisyiharkan muflis atau sedang menjalani proses muflis;
- Terlibat dengan prosedur tindakan, tuntutan, proses atau siasatan undang-undang;
- Menghadapi pertuduhan jenayah atau dinamakan sebagai tertuduh oleh mahkamah;
- Mempunyai laporan capaian berkait program Think City yang masih tertunggak; dan
- Mempunyai reputasi buruk semasa proses penilaian.

Anda mencadangkan projek yang:

- Sudah dimulakan sebelum program geran ini dibuka;
- Kurang komponen penglibatan masyarakat;
- Tidak menjelaskan latar belakang dan objektif projek;

-
- Melanggar peruntukan perundangan;
 - Mempunyai kandungan yang menghina individu atau kumpulan berdasarkan kaum dan agama, atau yang mencetuskan konflik atau salah faham dalam masyarakat;
 - Mengancam keselamatan negara dan keharmonian masyarakat; dan
 - Tidak dirancang untuk manfaat orang awam.
-

12. Apakah dokumen yang perlu dikepaskan bersama permohonan anda?

Projek Cadangan

Permohonan hendaklah menyertakan kertas cadangan yang merangkumi matlamat, proses dan sebarang keperluan teknikal (jika perlu). Projek cadangan mestilah mengambil kira nilai-nilai berikut:

- Hormat – Mencerminkan dan menghormati budaya, sejarah dan kemajmukan budaya Malaysia, identiti Presint Merdeka 118 dan kawasan sekitarnya, dan mematuhi undang-undang berkaitan;
- Terangkum – Sesuai dan melibatkan masyarakat dari pelbagai latar belakang kaum, umur, taraf sosioekonomi, keupayaan dan jantina;
- Inovatif – Memperkenalkan kaedah atau idea baharu untuk memacu kemajuan, daya saing, dan keunikan projek dalam pasaran semasa;
- Keusahawanan – Memiliki kemahiran yang luas dalam menyokong perniagaan atau pembangunan jenama.

Dokumen yang diperlukan

Permohonan perlu menyerahkan dokumen-dokumen berikut (dalam format PDF, jika sesuai):

- Maklumat atau resume pemohon, atau portfolio pertubuhan;
 - Pasukan dan peranan setiap ahli pasukan (termasuk rakan usaha sama utama yang akan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan projek);
 - Pecahan kewangan (senaraikan semua kos termasuk kos yang dirangka oleh pihak ketiga. Ringkasan pecahan kewangan juga perlu diisi dalam portal permohonan geran);
 - Penyata bank tertutup untuk memaparkan bukti alamat surat menyurat;
 - Maklumat syarikat/organisasi – Perakuan Pendaftaran dengan Pendaftar Syarikat/Pertubuhan/Perniagaan – Borang 9, 13, 24, 44, 49, M&A
 - Lain-lain dokumen sokongan seperti gambar terkini tapak projek, kos pihak ketiga, dokumen kajian, dan lain-lain; dan
 - Sebarang dokumen yang berkait dengan Jadual 8.1.
-


13. Bagaimanakah cara untuk memohon dana Program Geran Komuniti Merdeka 118?

Pemohon boleh menghantar permohonan dan bahan-bahan sokongan di <https://thinkcity.grantplatform.com..>

Ambil maklum bahawa pemohon wajib menghadiri sesi hari terbuka. Tarikh bagi sesi ini akan dimaklumkan di platform Merdeka 118, Warisan KL dan Think City.

14. Apakah proses seterusnya selepas memohon?

Semua permohonan akan melalui proses penilaian seperti berikut, tertakluk kepada perubahan atas budi bicara Think City:



15. Apakah langkah seterusnya selepas permohonan dinilai?

a. Permohonan yang Terpilih

- i. Permohonan yang terpilih akan menerima e-mel rasmi bersama Surat Tawaran.
- ii. Surat Tawaran akan sah selama 7 hari dari tarikh e-mel makluman dihantar. Sekiranya pemohon tidak menerima tawaran dalam tempoh tersebut, tawaran geran akan ditarik balik.
- iii. Semua penerima geran perlu menyertai Bengkel Penerima Geran bersama Think City untuk mengesahkan terma dan syarat projek geran masing-masing.
- iv. Setelah senarai serahan dan capaian kemajuan dipersetujui oleh penerima geran dan Think City, penerima geran akan menerima Surat Perjanjian yang menyatakan:
 - jumlah geran yang diluluskan dan tujuannya;
 - terma dan rujukan projek; dan
 - skop kerja dan senarai capaian kemajuan yang perlu diserahkan.

b. Permohonan yang Tidak Terpilih

Pemohon yang tidak terpilih akan menerima e-mel makluman sekiranya permohonan tidak terpilih dalam tempoh makluman yang sama.

c. Rayuan

Think City tidak menerima sebarang bentuk rayuan. Semua keputusan adalah muktamad.

16. Bagaimanakah cara pembayaran dana?

Dana akan disalurkan setelah satu-satu tahap kemajuan projek dipenuhi. Bayaran akan dibuat dalam tempoh 30 hari bekerja setelah laporan capaian kemajuan diluluskan, dan akan dimasukkan ke dalam akaun bank penerima geran yang disahkan.

Peratusan dana dan serahan bagi setiap tahap kemajuan adalah tertakluk kepada perubahan dan kelulusan akhir. Berikut adalah aliran proses:

Makluman permohonan menerusi e-mel, platform permohonan (Good Grants) dan Surat Tawaran

Bengkel Penerima Geran (seminggu setelah makluman)

Penandatangan Surat Perjanjian

Tahap Kemajuan 1 lengkap dan laporan capaian kemajuan lengkap dihantar

Tahap kemajuan seterusnya lengkap dan laporan capaian kemajuan lengkap dihantar

Penghantaran Laporan Capaian Kemajuan Akhir, Laporan Penutupan Projek, Laporan Kewangan Projek dan Borang Penilaian Hasil Projek Think City

Surat penyiapan projek oleh Think City

Segala laporan ini dapat menyediakan maklumat dan tahap pencapaian kepada Think City untuk memantau kemajuan setiap projek dan memastikan kebertanggungjawaban ke atas dana geran. Maklumat itu juga membantu pihak Think City dalam penyelidikan dan komunikasi, sekaligus memperlihatkan impak geran terhadap penerima geran.

17. Apakah bentuk serahan dan laporan yang perlu disediakan oleh permohonan yang terpilih?

a. Sepanjang tempoh projek geran, ada perlu:

- i. Menyiapkan projek cadangan dalam tempoh yang ditetapkan Surat Perjanjian dan menurut syarat-syarat pelaporan;
- ii. Memastikan komunikasi dengan Think City terjaga dengan memaklumkan tentang kemajuan projek atau sebarang perubahan dalam skop kerja atau garis masa projek; dan
- iii. Mengakui sokongan PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad, Think City dan Warisan KL menerusi mana-mana platform media berkaitan dan mematuhi panduan penjenamaan Merdeka 118 dan Think City, seperti memasukkan logo dalam bahan hebahan dan pemasaran berkaitan projek.

b. Laporan Capaian Kemajuan mesti dihantar pada penghujung tahap kemajuan yang dipersetujui dan Laporan Penutupan Projek perlu dihantar pada penghujung projek bersama lampiran berikut:

- i. Sebuah Borang Penilaian Hasil yang telah lengkap dalam tempoh 14 hari selepas projek siap (templat borang akan diberikan oleh Think City);
- ii. Sebuah penyata kewangan yang menyatakan penggunaan dana geran yang sebenar (templat akan disediakan oleh Think City); dan
- iii. Sebarang bahan sokongan seperti gambar, video dan/atau hasil sampingan yang diterbitkan sepanjang projek berlangsung.

c. Nota Tambahan:

- i. Think City berhak menarik balik permohonan atau kelulusan dalam keadaan berikut:
 - Perubahan dalam skop projek tanpa makluman awal dan kelulusan Think City;
 - Kegagalan menyiapkan projek seperti yang dicadangkan (tanpa sebab munasabah); dan
 - Pelanggaran terma dan rujukan khusus seperti yang dipersetujui dalam Surat Perjanjian.

18. Siapakah yang boleh hubungi untuk sebarang pertanyaan?

Sebarang soalan ataupun perbincangan lanjut boleh diajukan kepada Think City melalui mesej WhatsApp di talian +6010 201 8930 atau e-mel kepada downtownkl@thinkcity.com.my.

Tentang PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad

PNB Merdeka Ventures Sdn. Berhad (PMVSB) ditubuhkan pada Jun 2000 dan merupakan sebuah anak syarikat penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB). PMVSB adalah pemilik dan penjaga tunggal Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Kedua-dua buah stadium ini didaftarkan sebagai Warisan Kebangsaan pada Oktober 2005 di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Sejak itu, PMVSB menjalankan kegiatan pemuliharaan sehingga melayakkan Stadium Merdeka menerima Anugerah Kecemerlangan Program Pemuliharaan Warisan Budaya (Asia Pasifik) UNESCO pada tahun 2008.

Presint Merdeka 118 ialah sebuah projek pembangunan pelbagai guna yang merangkumi dua buah stadium bersejarah, iaitu Stadium Merdeka dan Stadium Negara. Antara bahan tarikan yang akan dibangunkan ialah dek tinjau The View at 118, Park Hyatt Kuala Lumpur, sebuah medan membeli-belah setinggi tujuh tingkat dengan nama 118 Mall dan tiga menara kediaman premium yang digelarkan sebagai 'Merdeka Residences'. Merdeka 118 terletak di dalam sebuah taman memanjang seluas empat ekar yang dikenali sebagai 'Merdeka Boulevard at 118'.

Menara Merdeka 118 diakui sebagai bangunan kedua tertinggi di dunia oleh Majlis Bangunan Tinggi dan Habitat Urban (CTBUH) pada Oktober 2003. Menara ini dirasmikan pada 10 Januari 2024 oleh Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Tentang Think City

Think City ialah sebuah pertubuhan pembangunan bandar yang ditubuhkan pada 2009 untuk mewujudkan lebih banyak tempat yang mampan dan berekuiti bagi kebaikan semua. Pengetahuan, kemahiran dan strategi kami tertumpu kepada bentuk penyelesaian urban, alam semula jadi, komuniti sosial dan ekonomi kebudayaan. Think City merupakan anak syarikat penuh Khazanah Nasional Berhad (dana kekayaan berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari thinkcity.com.my.